

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI (GOMBAK)
TARIKH : 04.04.2016 (ISNIN)
NO. SOALAN : 475

YB DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI (GOMBAK) minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan senarai jumlah perdagangan dengan setiap negara di dalam Kesatuan Eropah bagi tempoh lima tahun lalu dan perbandingan dengan Amerika Syarikat dan China.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kesatuan Eropah merupakan salah satu rakan dagangan penting bagi negara. Jumlah perdagangan dengan Kesatuan Eropah secara purata dari tahun 2011 hingga 2015 adalah sebanyak RM137.36 billion setahun. Manakala, purata pertumbuhan bagi tempoh yang sama adalah sebanyak 3.9% setahun. Rakan dagang utama dikalangan negara Kesatuan Eropah pada tahun 2015 adalah Jerman, Belanda, United Kingdom, Perancis dan Itali.

Jumlah eksport ke Kesatuan Eropah secara purata dari tahun 2011 hingga 2015 adalah sebanyak RM70.26 billion setahun. Purata pertumbuhan bagi tempoh yang sama adalah sebanyak 3.2% setahun. Pasaran eksport utama ke Kesatuan Eropah pada tahun 2015 adalah Belanda, Jerman, United Kingdom, Perancis dan Belgium.

Jumlah import dari Kesatuan Eropah secara purata dari tahun 2011 hingga 2015 adalah sebanyak RM67.1 billion setahun. Manakala, purata pertumbuhan bagi tempoh yang sama adalah sebanyak 5.3% setahun. Sumber import utama dari Kesatuan Eropah pada tahun 2015 adalah Jerman, Belanda, Perancis, United Kingdom dan Itali.

Secara purata bagi tempoh yang sama, jumlah keseluruhan perdagangan dengan Kesatuan Eropah adalah sebanyak 10% daripada jumlah keseluruhan perdagangan negara. Angka ini mengatasi jumlah keseluruhan perdagangan negara dengan Amerika Syarikat yang secara purata bagi tempoh yang sama menyumbang sebanyak 8.5% dari jumlah keseluruhan perdagangan negara. Namun begitu ia masih belum mengatasi jumlah keseluruhan perdagangan negara dengan

China yang juga merupakan rakan dagangan utama negara. Secara purata bagi tempoh tersebut, China menyumbang 14.4% jumlah keseluruhan perdagangan negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,

PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI
[GOMBAK]**

SOALAN :

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah dan statistik golongan graduan dan profesional yang sudah berjaya dibawa pulang ke Malaysia dalam tempoh 3 tahun lalu untuk menangani masalah "brain drain".

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) terus menumpukan perhatian kepada berdasarkan tiga pecahan segmen bakat iaitu:
 - i. Tenaga bakat berkemahiran tinggi dalam negara (*Malaysians in Malaysia*);
 - ii. Tenaga bakat profesional Malaysia di luar negara (*Malaysian Professionals Abroad*); dan
 - iii. Tenaga bakat asing berkemahiran tinggi (*Foreign Talent*).

2. Pelaksanaan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh TalentCorp bagi tahun 2013-2015 adalah seperti berikut:

Inisiatif	2015	2014	2013
Tenaga Mahir Dalam Negara			
Program Kebolehpasaran Graduan	7,137	5,040	6,034
Program Latihan Industri Berstruktur (<i>Structured Internship Programme</i>)	17,967	12,852	10,000 penempatan
Tenaga Mahir Malaysia Di luar Negara			
Inisiatif <i>Scholarship Talent Attraction & Retention</i> (STAR)	1,019	1,006	424
<i>Returning Expert Programme</i> (REP)	616	606	900
Tenaga Asing Berkemahiran Tinggi			
<i>Residence Pass Talent</i> (RP-T)	1,113	1,007	826

3. Bagi golongan profesional Malaysia yang pulang di bawah *Returning Expert Programme* (REP) lebih 3,700 rakyat Malaysia telah diluluskan untuk kembali berkhidmat di Malaysia sejak program ini diterajui oleh TalentCorp pada 2011. Jumlah permohonan tertinggi diterima daripada rakyat Malaysia di Singapura, diikuti oleh China, Australia, United Kingdom dan Qatar. Manakala berdasarkan sektor pula didahului dengan sektor Minyak, Gas dan Tenaga, Perkhidmatan Perniagaan, Perkhidmatan Kewangan, Perkilangan, dan Komunikasi & ICT.
4. Selain itu, TalentCorp juga terlibat dalam menghubungkan pemain industri dalam negara dan bakat berkemahiran tinggi Malaysia di luar negara dengan tujuan memberi pendedahan kepada peluang pekerjaan tersedia di Malaysia. Bagi tujuan tersebut, TalentCorp berperanan untuk memudahcara syarikat Malaysia menyertai pameran kerjaya serta kempen-kempen berkaitan kerjaya di luar negara seperti yang telah diadakan di United Kingdom, Australia, Jepun, Korea dan Taiwan.
5. Antara pameran kerjaya yang telah berjaya diadakan pada tahun 2015 dengan kerjasama syarikat tempatan adalah seperti berikut:

NO	NEGARA	PAMERAN KERJAYA	PENYERTAAN SYARIKAT
1	United Kingdom	UKEC-GRADUAN Career Fair	40 syarikat Industri: Elektrik & Elektronik, Perkhidmatan Kewangan, Perkhidmatan Perniagaan, Kandungan Komunikasi & Infrastruktur, Minyak, Gas & Tenaga, dan Pembinaan/Hartanah
2	Australia	MASCA-GRADUAN Career Fair	23 syarikat Industri: Elektrik & Elektronik, Perkhidmatan Kewangan, Perkhidmatan Perniagaan, Kandungan Komunikasi & Infrastruktur, Minyak, Gas & Tenaga, dan Pembinaan/Hartanah
3	Japan	MSAJ Career Fair	23 syarikat Industri: Majoriti adalah Elektrik & Elektronik
4	Korea (TalentCorp bekerjasama dengan Pejabat Penasihat Pendidikan & Latihan (PPL) Korea- khas untuk pelajar tajaan JPA)	Bengkel Penulisan CV	5 syarikat Industri: Elektrik & Elektronik, Perkhidmatan Perniagaan Global dan Pembinaan

Tuan Yang di-Pertua,

6. Dalam mendepani cabaran dengan izin, *talent war*, yang dihadapi di peringkat global pada hari ini, TalentCorp akan terus melipatgandakan usaha melalui pelbagai pendekatan dalam melaksanakan mandat untuk menangani isu kekurangan modal

insan berkemahiran tinggi yang diperlukan dalam sektor ekonomi utama negara bagi memacu Program Transformasi Ekonomi (ETP) dalam usaha mencapai matlamat menjadikan negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Sekian, terima kasih.